

TARIKH	JUMAAT, 3 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM DIJAMIN LULUS DI PARLIMEN
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	SALARY

Kenaikan gaji penjawat awam dijamin lulus di Parlimen

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kenaikan gaji penjawat awam seperti diumumkan kemasukan akan diluluskan di Parlimen dengan bergaya pada pembentangan Belanjawan 2025 Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, semua parti komponen dalam Kerajaan MADANI, termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor memberi sokongan penuh terhadap kenaikan terbahagi supaya ia dapat dilaksanakan pada 1 Disember depan.

"Penjawat awam umumnya sambut dengan baik, tetapi kita tak boleh halang beberapa kenyataan yang hambar. Ada kata ini pengumuman Anwar untuk laksana 1 Disember, mana tahu kalau Parlimen tak luluskan.

"Saya nak tahu siapa, Ahli Parlimen mana yang nak bantah kenaikan ini. Kalau betul dia bantah, kita humber dia dalam pilihan raya akan datang," katanya ketika berucap pada Majlis Penerapan Nilai Murni dan Sambutan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri (KDN), semalam.

Dalam pada itu Anwar menasihatkan penjawat awam supaya tidak bimbang kerana kerajaan memiliki majoriti diperlukan dalam Parlimen.

Perdana Menteri berkata, beliau juga ada mendengar kritikan hambar kononnya kenaikan terbahagi bukan yang tertinggi sedangkan kerajaan sudah membuat perkiraan sewajarnya.

Katanya, beliau tidak mahu membuat pengumuman secara terperinci kerana perlu mengikut proses ditetapkan.

"Jadi, saya nak sebut sabar dulu, jangan sombong dan angkuh, jangan dengki... dia dengki kerana apabila ada pengumuman baik, orang sambut baik, dia mesti akan cuba berhujah untuk mencemuhkan.

"Saya nak beritahu saudara, kalau kita tengok perincian keputusan ini sebenarnya, bagi kategori rendah, kenaikan itu antara 20 hingga hampir mencecah 40 peratus bagi kebanyakan penjawat awam.

"Ini kenyataannya kerana sistem kita perlu lebih saksama, yang pangkat tinggi naik sikit, yang pangkat rendah naik banyak, ini baru namanya keadilan," katanya.

Perdana Menteri turut menafikan pengumuman berkaitan kenaikan gaji penjawat awam itu disebabkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu.

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--